

RIYĀḌ AL-ŞĀLIĤĪN: PENELITIAN TERHADAP KITĀB AL-UMŪR AL-MANHĪ ‘ANHĀ

Riyāḍ al-Şāliĥīn: An Analysis on The Book of Prohibited Matters

Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail^{1*} & Shafwan Ismail²

¹ Faculty of Usuluddin and al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 16010 Kota Bharu, Malaysia

² Faculty of Management and Human Development, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 16010 Kota Bharu, Malaysia

*Corresponding author e-mail:
drtmsafuan@gmail.com

Received: 17-11-2024
Accepted: 19-12-2024
Published: 31-10-2025

How to Cite:

Tuan Ismail, T. M. S. & Ismail, S. (2025). Riyāḍ Al-Şāliĥīn: Penelitian Terhadap *Kitāb Al-Umūr Al-Manĥī ‘Anĥā*. *Jurnal Dirasatica: Jurnal Pengajian Islam Kontemporari*, 1(1), 107-129.

ABSTRACT

This article discusses the book *Riyāḍ al-Şāliĥīn*, written by Imam al-Nawawī. It is a significant collection of hadiths that serves as an excellent guide for the lives of Muslims. This study aims to examine the hadiths in the section *Kitāb al-Umūr al-Manĥī ‘Anĥā* in terms of Imam al-Nawawī's methodology in compiling hadiths, how he derived rulings from these hadiths, and the status of the collected hadiths. The study adopts a qualitative approach by analyzing the content of the hadiths in *Kitāb al-Umūr al-Manĥī ‘Anĥā*. It finds that this section contains 297 hadiths, representing 15.65% of the total 1,897 hadiths in *Riyāḍ al-Şāliĥīn*. The book on prohibitions is further divided into 115 chapters. Regarding the status of the hadiths, the study reveals that 98% of the hadiths in *Kitāb al-Umūr al-Manĥī ‘Anĥā* are considered authentic (*ṣaĥīĥ*) based on evaluations by reputable hadith scholars. The remaining 2% of the hadiths, classified as weak (*ḍa‘īf*), meet the conditions for weak hadiths that can be acted upon according to most scholars. These weak hadiths do not introduce new practices but rather provide advice aligned with principles affirmed in

other authentic texts. This reflects Imam al-Nawawi's meticulousness and scholarly expertise in selecting hadiths for his book.

Keywords: *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*; *Prohibitive Hadiths*; *Hadith Studies*; *Imam al-Nawawi*.

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* yang ditulis oleh Imam al-Nawawi. Ia merupakan sebuah korpus hadis yang sangat wajar dijadikan panduan di dalam kehidupan muslim. Kajian ini bertujuan meneliti hadis-hadis di dalam *Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā* dari segi kaedah Imam al-Nawawi dalam mengumpulkan hadis-hadis, meneliti bagaimana kaedah memahami hukum daripada hadis-hadis tersebut serta meneliti status hadis-hadis yang dikumpulkan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan hadis-hadis di dalam *Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā*. Kajian mendapati sebanyak mengandungi 297 hadis yang dimuatkan di dalam kitab ini, mewakili (15.65%) daripada keseluruhan hadis *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* sebanyak 1897 buah. Kitab larangan ini pula telah dipecahkan kepada 115 bab. Dari segi status hadis pula, kajian mendapati bahawa 98% daripada *Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā* adalah berstatus sahih berdasarkan penilaian ulama hadis muktabar. Sebanyak 2% daripada hadis yang dianggap daif ini telah memenuhi syarat-syarat hadis daif yang boleh diamalkan menurut pandangan majoriti ulama, kerana ia tidak memperkenalkan amalan baru tetapi sekadar memberi nasihat berdasarkan prinsip yang telah ditegaskan dalam nas-nas sahih yang lain. Hal ini telah mencerminkan ketelitian dan keilmuan Imam al-Nawawi dalam memilih hadis untuk kitabnya.

Kata kunci: *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*; Hadis Larangan; Pengajian Hadis; Imam al-Nawawi

1. Pendahuluan

Kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* yang dikarang oleh Imam al-Nawawi merupakan salah satu khazanah keilmuan Islam yang amat berharga, khususnya dalam bidang hadis. Sebagai sebuah kompilasi hadis, kitab ini bukan sahaja menjadi panduan keagamaan bagi umat Islam, tetapi juga dirujuk secara meluas dalam pengajian akhlak, tasawuf, dan pembentukan peribadi Muslim. Salah satu bahagian yang menonjol dalam kitab ini adalah *Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā*, yang mengandungi hadis-hadis berkaitan larangan dalam agama. Bahagian ini memainkan peranan penting dalam memberi panduan kepada umat Islam untuk menjauhi perbuatan tercela dan memastikan amalan mereka selaras dengan tuntutan syariat.

Walaupun kitab ini sangat terkenal, terdapat kekurangan kajian khusus yang mendalam terhadap *Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā*. Kebanyakan kajian terdahulu

lebih menumpukan kepada keseluruhan kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* atau tema tertentu seperti kesabaran, zikir, atau kesihatan mental dalam hadis. Analisis spesifik terhadap hadis-hadis larangan, terutamanya dari aspek kaedah pengumpulan hadis oleh Imam Al-Nawawi, status kesahihan hadis, dan implikasi hukumnya, masih jarang dilakukan. Hal ini menjadi masalah utama yang perlu ditangani, memandangkan pemahaman mendalam tentang hadis-hadis larangan adalah penting untuk membimbing umat Islam agar tidak terjerumus ke dalam perbuatan yang dilarang oleh syariat.

Tambahan pula, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai status kesahihan sebahagian hadis yang termuat dalam kitab ini. Perbezaan ini memerlukan penjelasan lanjut agar tidak timbul kekeliruan dalam kalangan pembaca. Selain itu, kekurangan karya terperinci dalam bahasa Melayu yang khusus membincangkan *Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā* menyukarkan pemahaman mendalam bagi masyarakat Islam di rantau ini.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang keilmuan tersebut dengan meneliti hadis-hadis larangan dalam *Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā*, mengkaji kaedah Imam Al-Nawawi dalam pengumpulannya, serta menganalisis bagaimana hukum difahami daripada hadis-hadis ini. Diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan bermakna kepada bidang pengajian hadis dan membantu para ilmuwan serta masyarakat umum dalam memahami aspek-aspek penting yang terkandung dalam kitab ini.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data kajian dikumpulkan melalui analisis kandungan teks kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, dengan memfokuskan *Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā*, serta konteks dan penjelasan yang diberikan oleh Imam Al-Nawawi terhadap hadis-hadis tersebut. Setiap hadis di dalam kitab ini sebanyak 297 diteliti untuk memahami makna dan menganalisis implikasi hukumnya. Peneliti juga meneliti sanad (rantai periwayatan) dan matan (teks) hadis untuk menilai kesahihan dan relevansinya.

Setelah data dianalisis, penulis menyusun hasil kajian dalam bentuk jadual yang sistematik, memudahkan pengkaji dan penyelidik untuk membuat rujukan.

3. Sorotan Literatur

Terdapat terlalu banyak kajian yang dijalankan berkaitan *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* oleh pengkaji dan penyelidik, dahulu dan sekarang. Ia menyukarkan penulis untuk memperincikannya satu persatu di dalam kajian ini.

Terdapat ulama yang memberi perhatian kepada status hadis yang terdapat dalam buku ini. Contohnya kajian yang dijalankan Syeikh Syuaib al-Arnaut dan Syeikh al-Albani di dalam kajian masing-masing. Manakala sebahagian yang lain pula membuat penjelasan ringkas terhadap buku ini, seperti yang dilakukan al-Bugha dan kawan-kawannya di dalam karyanya *Nuzhah al-Muttaqīn*. Terdapat juga ulama yang memberikan syarah yang lebih detail, seperti Ibn Allan (2004) di dalam kitabnya *Dalīl al-Fāliḥīn li Turuk Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Begitu juga Syeikh Uthaimin (2001) di dalam kitabnya *Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, Syeikh Salim Al-Hilali pula di dalam kitabnya '*Bahjah al-Nāẓirīn*'. Syeikh Mohd Ali al-Sabuni juga telah melakukan hal yang sama. Terdapat juga kalangan ulama yang membuat ringkasan, seperti Syeikh Yusuf an-Nabhani dan Dr Ahmad bin Uthman al-Mazid di dalam kitab masing-masing.

Terdapat juga para pengkaji yang menjalankan kajian berkaitan *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* berbentuk tematik hadis. Sebagai contohnya, Deni Zam Jami di dalam kajiannya bertajuk *Metode Imam al-Nawawi dalam penyusunan kitab Riyadh al-Shalihin*. Beliau telah memfokuskan kajiannya berkaitan metod Imam Al-Nawawi di dalam penyusunan hadis-hadis *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*.

Manakala kajian Anwar, Shella Amalia (2022) bertajuk *Konsep Kesehatan mental dalam kitab Riyāḍ al-Ṣāliḥīn (kajian tematik hadis)* telah meneliti tentang konsep kesihatan mental melalui hadis-hadis.

Nur Syuhada, Che Mat Amin, dan Md Nor Abdullah, (2021) pula telah memfokus kajiannya di dalam bidang bahasa Arab di dalam kajiannya bertajuk *Analisis Kinayah dalam hadis Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur kinayah yang terkandung dalam hadis Rasulullah menerusi Kitab Adab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Raudhatul Jannah (2024) pula telah memfokuskan tentang fadhilat zikir melalui syarah hadis *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Manakala Alfiani Zam Zami telah memfokuskan bab sabar di dalam kajiannya bertajuk *Sabar dalam Perspektif Hadis: Analisis atas Hadis-hadis dalam Kitab Riyadh al-Shalihin Bab Sabar*.

Di Malaysia juga terdapat beberapa karya terjemahan terhadap *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Namun, buku yang mengupas *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* secara terperinci dan menyeluruh dalam Bahasa Melayu sukar ditemui. Kesemua hadis ini, menurut penulis perlukan penjelasan dan huraian yang terperinci, di samping kesahihan status hadis-hadis tersebut.

Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa sehingga kini, belum terdapat pengkaji yang menyediakan sebuah perincian tentang (*Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā*) di dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Oleh itu, kajian ini wajar dijalankan agar sebuah analisis yang

bermakna tentang kitab ini dapat dihasilkan. Semoga kajian ini menjadi panduan kepada pengkaji untuk meneliti kitab ini.

4. Perbincangan dan Dapatan

4.1. Tujuan penulisan Kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*

Imam al-Nawawi, sering mengingatkan bahawa tujuan penciptaan manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Dalam pandangan beliau, kehidupan dunia ini hanyalah tempat persinggahan sementara, dan yang kekal abadi adalah kehidupan akhirat. Oleh itu, kita perlu menggunakan kesempatan di dunia ini untuk memperbanyak amalan yang membawa kita lebih dekat kepada Allah.

Beliau menegaskan bahawa bekalan terbaik untuk akhirat adalah amalan yang sah, iaitu amalan yang berpandukan ajaran yang benar dari Rasulullah SAW. Dengan demikian, umat Islam harus menitikberatkan keikhlasan, mengikuti sunnah Nabi, serta menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kepada kelalaian atau melalaikan dari tujuan hidup yang sebenar.

Imam al-Nawawi menasihatkan agar kita terus berusaha mempersiapkan diri dengan amalan yang sah, seperti solat, zikir, puasa, sedekah, dan perbuatan baik lainnya, serta memperbaiki akhlak dan menjaga hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Hanya dengan cara ini kita dapat mencapai kebahagiaan hakiki di akhirat kelak, yang merupakan tujuan terakhir hidup seorang mukmin.

“Aku melihat perlunya aku mengumpulkan hadis-hadis yang sah yang merangkumi perkara-perkara yang menjadi panduan kepada seseorang untuk menuju akhirat, yang menghasilkan seorang yang mempraktikkan adab-adab zahir mahu pun batin, yang mengumpulkan targhib dan tarhib dan semua adab-adab orang-orang yang ingin menuju ke jalan Allah, iaitu hadis-hadis yang berkaitan zuhud, latihan-latihan kerohanian, pendidikan akhlak, penyucian hati, pengubatan hati dan dapat memelihara segala anggota dan meluruskan segala yang bengkok, serta tujuan-tujuan lain yang diperlukan oleh orang yang mengenali Allah”. (al-Nawawi, 1986).

Sebagai kesimpulan, penulis menyimpulkan bahawa Imam al-Nawawi mengumpulkan hadis-hadis dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* sebagai panduan untuk bertasawuf berdasarkan ajaran Nabi Muhammad SAW.

4.2 Kepentingan Kitab Riyāḍ al-Ṣāliḥīn

Riyāḍ al-Ṣāliḥīn karya Imam al-Nawawi memiliki kepentingan yang besar dalam panduan agama Islam, sebagaimana disebut oleh banyak ulama terkemuka. Imam Al-Nawawi sendiri berharap kitab ini dapat menjadi panduan bagi mereka yang ingin mencapai kebaikan serta menjauhkan diri dari kejahatan dan kemusnahan. Pernyataan beliau menunjukkan harapan agar Riyāḍ al-Ṣāliḥīn berfungsi sebagai kompas spiritual yang membantu manusia menuju kehidupan yang diberkati;

'Aku berharap apabila buku ini selesai ditulis, ia akan menjadi panduan bagi mereka yang menginginkannya untuk menuju kepada kebaikan dan menjadi penghalang kepada pelbagai bentuk kejahatan serta perkara-perkara yang membinasakan' (al-Nawawi, 1986).

Imam Al-Zahabi (748H) juga di antara ulama' yang menyatakan kepentingan buku Riyāḍ al-Ṣāliḥīn secara jelas. Ketika beliau menjelaskan maksud ilmu yang bermanfaat, beliau memberi nasihat seperti dalam ungkapan berikut:

"Saudaraku, sentiasalah tadabbur kitab Allah (al-Quran) dan sentiasalah membaca kitab as-Sahihain (Sahih Bukhari dan Sahih Muslim), Sunan an-Nasaie, buku Riyāḍ al-Ṣāliḥīn Imam Al-Nawawi dan Al-Azkar karangannya, nescaya kamu akan beruntung dan berjaya" (Al-Zahabi, 1993, 19:340).

Ibn Al-Wazir Al-Yamani (840H) pula menyatakan:

"Dan bahagian kedua daripada ilmu ialah ilmu yang diperlukan dalam agama. Ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah yang tiada pertikaian tentang kebaikannya. Contohnya nas-nas hadis dan ijmak yang menjelaskan Islam dan Iman yang wajib diketahui oleh semua. Juga ilmu tentang zuhud dan segala yang terkandung dalamnya yang disepakati (bukan yang khilaf). Dan sebaik-baik bukunya ialah Riyāḍ al-Ṣāliḥīn Imam Al-Nawawi kerana ia hanya memuatkan hadis yang kuat (sahih) dan ia juga bebas dari bidaah" (Iyṭhar al-Haq: 34).

Imam Al-Sakhawi (902H) juga menyatakan: Riyāḍ al-Ṣāliḥīn adalah satu kitab yang hebat yang tidak wajar untuk ditinggalkan, menunjukkan nilainya yang tinggi sebagai pedoman sepanjang zaman.

Ibn Allan Al-Siddiqi (1057H) dalam komennya terhadap buku Riyāḍ al-Ṣāliḥīn menyebut:

“Imam Al-Nawawi telah mengumpulkan apa sahaja yang diperlukan oleh para ahli ibadah dalam semua keadaan. Ia mengandungi akhlak-akhlak yang perlu diamalkan dan perkara-perkara yang perlu dipegangi samada dalam bentuk perbuatan atau perkataan. Semua itu diambil dari limpahan isi kandungan al-Quran dan Hadis Nabawi”.(Ibn Allan Al-Siddiqi:2004)

Secara keseluruhan, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* adalah sebuah karya penting yang menawarkan panduan moral dan spiritual berdasarkan ajaran al-Quran dan hadis sahih, menjadikannya relevan untuk umat Islam dari masa ke masa dalam mengejar kehidupan yang penuh kebajikan.

4.3. Jumlah Hadis dan Bab dalam Buku *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*

Bilangan hadis yang dikumpulkan oleh Imam al-Nawawi dalam buku ini adalah sebanyak 1897 hadis (al-Nawawi: 1986). Hadis-hadis tersebut diletakkan di bawah kitab. Kemudian di bawah ‘kitab’ itu, dipecahkan kepada 372 bab atau sub topik. Dengan itu bermakna, istilah ‘kitab’ bermaksud topik besar yang terdapat pula di bawahnya topik-topik kecil atau sub topik. Ini adalah kaedah penyusunan kitab dan bab yang dilakukan Imam al-Nawawi di dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*.

Perincian hadis-hadis berdasarkan ‘kitab’ adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1 di bawah;

Jadual 1: Kitab dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*

Bil	Nama Kitab	Bilangan Hadis	Peratus
1	Mukaddimah: Di antara perbincangannya ialah Ikhlas, sabar, benar, takwa, yakin, tawakal, istiqamah, ketulusan, berbakti kepada ibu bapa, memuliakan para ulama, zuhud, akhlak yang baik, larangan sombong dan lain-lain.	680	35.84
2	Adab	47	2.47
3	Adab Makan	51	2.68
4	Pakaian	35	1.84
5	Adab Tidur	31	1.63

6	Ucapan Salam	49	2.58
7	Ziarah Orang Sakit	62	3.26
8	Adab Musafir	35	1.84
9	Fadilat-fadilat Amalan	277	14.6
10	Iktikaf	3	0.16
11	Haji	14	0.74
12	Jihad	91	4.79
13	Ilmu	17	0.89
14	Pujian dan Syukur	4	0.21
15	Selawat ke atas Nabi SAW	11	0.58
16	Zikir	57	3
17	Doa-doa	46	2.42
18	Larangan.	297	15.65
19	Hadis-hadis pelbagai tajuk	89	4.69
	Jumlah keseluruhan hadis	1897	

Sumber: (al-Nawawi, 1986)

4.4. Jumlah Hadis dan Jumlah Bab dalam (Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā)

Jumlah hadis dalam (Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā) adalah sebanyak 297 hadis yang merangkumi 15.65% daripada keseluruhan hadis *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Ia dipecahkan kepada 115 bab.

Berdasarkan penelitian terhadap nama bab yang telah diletakkan Imam al-Nawawi di dalam (Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā), dapatlah dirumuskan bahawa tajuk-tajuk bab tersebut dibahagikan kepada enam kategori seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 2 di bawah;

Jadual 2: Tajuk-Tajuk dalam *Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā*

Bil	Tajuk bab	Jumlah bab
1	Menggunakan kalimah <i>tahrim</i> iaitu pengharaman	43
2	Menggunakan kalimah <i>nahy</i> iaitu larangan	37
3	Menggunakan kalimah <i>karahah</i> iaitu makruh	27
4	Menggunakan kalimah <i>zam</i> iaitu celaan	1
5	Menggunakan kalimah <i>tahzir</i> iaitu waspada	1
6	Bab yang tidak menyatakan sebarang larangan, tetapi berkaitan dengan sebahagian larangan	6

Sumber: (al-Nawawi, 1986)

Berdasarkan penelitian penulis, terdapat sebanyak 20 bab lagi yang membincangkan hadis-hadis larangan di dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, tetapi ia tidak diletakkan bersama di dalam (*Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā*). Ini adalah kerana bab-bab tersebut sudah dikira bersesuaian dengan tajuk-tajuk bab sebelumnya. Sebagai contoh, bab larangan bidaah dan mereka-reka perkara baru (dalam urusan agama) telah diletakkan selepas (Bab Perintah Menjaga Sunah dan Menjaga Adab-Adabnya) dan (Bab Wajib Patuh Kepada Hukum-hukum Allah). Perbincangan di dalam bab-bab tersebut bersesuaian dan berkaitan antara satu dengan yang lain. Oleh itu, pada pendapat penulis, Imam Al-Nawawi mengekalkan bab-bab tersebut dan tidak diletakkan di bawah (kitab larangan) yang menjadi objek kajian ini.

4.5 Skop Perbincangan Hadis-Hadis *Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā* dan contoh Hadis yang dibincangkan

Penelitian terhadap hadis-hadis larangan dalam Islam menunjukkan bahawa ia merangkumi pelbagai aspek agama yang sangat luas. Larangan-larangan ini merangkumi aspek-aspek penting seperti pegangan akidah, amalan dalam syariah, serta perbuatan hati dan Tindakan anggota. Dalam *Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā*, dibahas pelbagai jenis larangan yang berkaitan dengan dosa-dosa besar, dosa-dosa kecil, perkara yang khilaf, dan hal-hal yang makruh.

Larangan-larangan tersebut juga menitikberatkan hubungan manusia dengan Allah, hubungan sesama manusia, serta hubungan dengan diri sendiri,

keluarga, masyarakat, dan bahkan haiwan. Hadis-hadis larangan tidak hanya membicarakan amalan ibadah seperti solat dan puasa tetapi juga aspek muamalat, seperti urusan jual beli, janji, dan keadilan dalam pergaulan.

Di dalam *Kitāb al-Umūr al-Manhī 'anhā* ini, terdapat juga larangan bersifat umum, seperti larangan melakukan kezaliman dan memanggil sesama Muslim dengan gelaran yang tidak baik. Pembahasan ini meliputi larangan yang bersifat "*haram zati*" (haram secara zatnya) dan "haram kerana wasilah" (haram kerana ia menjadi jalan kepada perkara yang haram). Terdapat pula larangan-larangan yang berkaitan dengan kewajipan melakukan perbuatan atau kewajipan meninggalkan sesuatu.

Skop larangan dalam kitab ini sangat komprehensif, mencakupi aspek ibadah, hubungan sosial, dan prinsip etika, serta berperanan sebagai panduan untuk memperbaiki hubungan manusia dalam masyarakat. Dengan memahami dan mengamalkan larangan-larangan ini, seorang individu dapat memperbaiki kualiti ibadahnya, menjaga etika dalam muamalat, dan membina hubungan yang lebih harmonis dan berakhlak. Maka, penelitian terhadap hadis-hadis larangan ini sangat penting dalam membina masyarakat yang beretika, adil dan selaras dengan ajaran Islam.

4.5.1 Contoh Hadis Larangan Dari Sudut Akidah

عن زيد بن خالد - رضي الله عنه - قال: صَلَّى بنا رسولُ الله - صلى الله عليه وسلم - صلاةَ الصُّبْحِ بِالْحَدَيْبِيَّةِ فِي إِثْرِ سَمَاءٍ كَانَتْ مِنَ اللَّيْلِ، فَلَمَّا انْصَرَفَ أَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ، فَقَالَ: ((هَلْ تَدْرُونَ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ؟)) قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قال: ((قَالَ: أَصْبَحَ مِنْ عِبَادِي مُؤْمِنٌ وَكَافِرٌ، فَأَمَّا مَنْ قَالَ: مُطْرِنَا بِفَضْلِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ، فَذَلِكَ مُؤْمِنٌ بِي كَافِرٌ بِالْكَوْكَبِ، وَأَمَّا مَنْ قَالَ مُطْرِنَا بِنُوءِ كَذَا وَكَذَا، فَذَلِكَ كَافِرٌ بِي مُؤْمِنٌ بِالْكَوْكَبِ)) متفق عليه.

Terjemahan: Zaid bin Khalid r.a. menyatakan: Rasulullah SAW solat subuh bersama kami di Hudaibiyah selepas turunnya hujan pada malam hari. Setelah selesai bersolat, baginda berpaling kepada orang ramai. Kemudian baginda bersabda: "Adakah kamu tahu apa kata Tuhanmu"? Para sahabat menjawab: "Allah dan rasul-Nya yang lebih mengetahui". Baginda bersabda: "Allah berfirman: "Di kalangan hamba-hambaKu, berpagi-pagi lagi ada yang beriman denganKu, dan ada yang kafir denganKu". Sesiapa yang berkata: "kita mendapat hujan dengan limpah kurniaan Allah dan rahmat-Nya", maka dia adalah orang yang beriman denganKu, kufur dengan bintang. Dan orang

yang berkata: “kita mendapat hujan dengan sebab tenggelamnya bintang itu dan ini”, maka dia adalah orang yang kafir denganKu, dan beriman dengan bintang-bintang”. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

4.5.2 Contoh Hadis Larangan Dari Sudut Hati

وعن أبي هريرة - رضي الله عنه - قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَقُولُ: قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَنَا أَعْنَى الشُّرَكَاءِ عَنِ الشِّرْكِ، مَنْ عَمِلَ عَمَلًا أَشْرَكَ فِيهِ مَعِيَ غَيْرِي تَرَكْتُهُ وَشِرْكُهُ. رواه مسلم.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a. katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Allah Taala berfirman: “Akulah orang yang paling tidak berhajat kepada sekutu daripada kesekutuan. Sesiapa yang melakukan suatu amalan (dan) dia menyekutukan Aku dengan orang lain padanya, maka Aku akan tinggalkan dia bersama sekutunya.” [Hadis riwayat Muslim].

4.5.3 Contoh Hadis Larangan Melakukan Dosa-Dosa Besar

وعن أبي هريرة رضي الله عنه، عن النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: ((اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ)).
قالوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: ((الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ،
وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ؛ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ)). متفق عليه.

Terjemahan: Dan daripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda: Jauhilah kamu tujuh perkara yang membinasakan. Mereka (para sahabat) bertanya: Apakah ia wahai Rasulullah? Baginda bersabda: “Syirikkan (menyekutukan) Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah melainkan dengan hak (kebenaran), memakan riba, memakan harta anak yatim, cabut lari hari peperangan dan menuduh perempuan yang baik, beriman dan tidak pernah terlintas di hatinya untuk berbuat demikian”. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

4.5.4 Contoh Hadis Larangan Melakukan Dosa-Dosa Besar

وعن أبي هريرة رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم، قال: ((اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ))، قالوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: ((الْبَشْرُكَ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ؛ وَقَذْفُ الْمُخَصَّنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ)) متفق عَلَيْهِ.

Terjemahan: Dan daripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda: Jauhilah kamu tujuh perkara yang membinasakan. Mereka (para sahabat) bertanya: Apakah ia wahai Rasulullah? Baginda bersabda: “Syirikkan (menyekutukan) Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah melainkan dengan hak (kebenaran), memakan riba, memakan harta anak yatim, cabut lari hari peperangan dan menuduh perempuan yang baik, beriman dan tidak pernah terlintas di hatinya untuk berbuat demikian”. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

4.5.5 Contoh Hadis berkaitan Dosa-Dosa Kecil

وعن أبي هريرة - رضي الله عنه: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: ((كُتِبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ نَصِيْبُهُ مِنَ الرِّبَا مُدْرِكُ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ: الْعَيْنَانِ زِنَاهُمَا النَّظْرُ، وَالْأُذُنَانِ زِنَاهُمَا السَّمْعُ، وَاللِّسَانُ زِنَاهُ الْكَلَامُ، وَالْيَدُ زِنَاهَا الْبَطْشُ، وَالرِّجْلُ زِنَاهَا الْخَطَا، وَالْقَلْبُ يَهْوَى وَيَتَمَتَّى، وَيُضَدِّقُ ذَلِكَ الْفَرْجُ أَوْ يُكَذِّبُهُ))، متفق عَلَيْهِ. هَذَا لَفْظُ مُسْلِمٍ، وَرَوَايَةُ الْبُخَارِيِّ مُخْتَصِرَةٌ.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a. sesungguhnya Nabi SAW bersabda: Telah ditetapkan (ditakdirkan) kepada anak Adam (manusia) bahagiannya daripada zina, (dia akan) mendapat demikian (dan) tak dapat tidak. Kedua mata zinanya ialah melihat, kedua telinga zinanya ialah mendengar, lidah zinanya ialah bercakap, tangan zinanya ialah meragut, kaki zinanya ialah melangkah. Dan hati (pula) bernafsu dan berangan-angan dan yang membenarkan atau yang mendustakan (menidakkan) perkara tersebut ialah kemaluan. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim].

وعن أبي سعيد رضي الله عنه: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: ((لَا يَنْظُرُ الرَّجُلُ إِلَى عَوْرَةِ الرَّجُلِ، وَلَا الْمَرْأَةُ إِلَى عَوْرَةِ الْمَرْأَةِ، وَلَا يُفْضِي الرَّجُلُ إِلَى الرَّجُلِ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ، وَلَا تُفْضِي الْمَرْأَةُ إِلَى الْمَرْأَةِ فِي الثَّوْبِ الْوَاحِدِ)). رواه مسلم.

Terjemahan: Daripada Abu Said r.a., sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Tidaklah (harus) seorang lelaki melihat kepada aurat lelaki, dan (begitu juga) tidak (harus) wanita melihat kepada aurat wanita. Dan tidaklah (harus) seorang lelaki sampai (berada) dengan lelaki yang lain dalam satu kain dan (begitu juga) tidak (harus) seorang perempuan sampai (berada) dalam satu kain dengan perempuan yang lain. [Hadis riwayat Muslim].

4.5.6 Contoh Hadis Larangan Namun Hukumnya Khilaf Ulama

عن جابر رضي الله عنه قَالَ: أُبَيُّ بْنُ أَبِي بَكْرٍ الْفُحَّافَةَ وَالِدِ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رضي الله عنهما، يَوْمَ فَتَحَ مَكَّةَ وَرَأْسُهُ وَلِحْيَتُهُ كَالْتَّعَامَةِ بَيَاضاً. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((غَيِّرُوا هَذَا وَاجْتَنِبُوا السَّوَادَ)). رواه مسلم.

Terjemahan: Daripada Jabir r.a. katanya, dibawakan Abu Quhafah (beliau adalah ayahanda Abu Bakar al-Siddiq r.a) pada hari pembukaan Kota Mekah. Rambutnya dan janggutnya seperti pohon al-Thaghamah (kerana) keputihan (uban). Lalu Rasulullah SAW bersabda: Ubahkanlah (warna) ini dan jauhilah (janganlah gunakan warna) hitam. [Hadis riwayat Muslim].

4.5.7 Contoh Hadis Larangan Dalam Aspek Ibadah

وعن أنس رضي الله عنه قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((إِيَّاكَ وَاللِّتْفَاتِ فِي الصَّلَاةِ، فَإِنَّ اللَّتْفَاتِ فِي الصَّلَاةِ هَلَكَةٌ، فَإِنْ كَانَ لَا بُدَّ، فَفِي التَّطَوُّعِ لَا فِي الْفَرِيضَةِ)). رواه الترمذي، وقال: ((حديث حسن صحيح)). 341- باب كراهة الالتفات في الصلاة لغير عذر

Terjemahan: Anas r.a. menyatakan, Rasulullah SAW bersabda kepadaku: “Janganlah kamu sekali-kali berpaling dalam solat. Sesungguhnya berpaling dalam solat itu merupakan kebinasaan. Dan jika kamu terpaksa juga (untuk berpaling), maka

(bolehlah) dalam solat sunat, dan tidak pada solat fardu". [Hadis riwayat Tirmizi, dan beliau berkata: hadis hasan sahih]

عن أبي هريرة وعائشة رضي الله عنهما: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الْوِصَالِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

Terjemahan: Abu Hurairah r.a. dan Aisyah r.a. menyatakan, bahawa Nabi SAW melarang daripada menyambungkan puasa (tanpa berbuka). [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

4.5.8 Contoh Hadis Larangan Dalam Aspek Kewangan

عن أنس رضي الله عنه، قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَبِيعَ حَاضِرٌ لِبَادٍ وَإِنْ كَانَ أَخَاهُ لِأَبِيهِ وَأُمِّهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

Terjemahan: Anas r.a. menyatakan: Rasulullah SAW melarang seorang penduduk bandar menjual barangan seorang badwi (penduduk kampung), sekalipun dia adalah adik-beradik seibu sebapa. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

4.5.9 Contoh Hadis Larangan Dalam Aspek Keselamatan

عن أبي هريرة رضي الله عنه، عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: ((لَا يُشْرُ أَحَدُكُمْ إِلَى أُخِيهِ بِالسَّلَاحِ، فَإِنَّهُ لَا يَدْرِي لَعَلَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ فِي يَدِهِ، فَيَقَعُ فِي حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ)). مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

Terjemahan: Abu Hurairah r.a. meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: “Janganlah seseorang menunjukkan kepada saudaranya dengan senjata. Kerana sesungguhnya dia tidak tahu boleh jadi syaitan mencabut apa yang ada di tangannya, lalu dia akan jatuh ke dalam satu lubang Neraka”. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

4.5.10 Contoh Hadis Larangan Dalam Aspek Kesihatan

عن جابر رضي الله عنه: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ يُبَالَ فِي الْمَاءِ الرَّكَيدِ. رواه مسلم.

Terjemahan: Jabir r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW melarang kencing di tempat air yang bertakung. [Hadis riwayat Muslim]

4.5.11 Contoh Hadis Larangan Dalam Aspek Hubungan Sesama Manusia

i- Hubungan Suami Isteri

وعن أبي هريرة رضي الله عنه: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: ((لَا يَحِلُّ لِلْمَرْأَةِ أَنْ تَصُومَ وَرَوْجُهَا شَاهِدٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ، وَلَا تَأْذَنَ فِي بَيْتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ)) متفق عَلَيْهِ.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a. , Rasulullah SAW bersabda: “Tidak halal bagi seseorang perempuan untuk berpuasa sedangkan suaminya ada, melainkan dengan keizinannya. Dan dia tidak boleh mengizinkan (seseorang) memasuki rumahnya melainkan dengan izin suaminya”. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

ii- Hubungan Dengan Anak-Anak

عن النعمان بن بشير رضي الله عنهما: أَنَّ أَبَاهُ أَتَى بِهِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي نَحَلْتُ ابْنِي هَذَا غُلَامًا كَانَ لِي، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((أَكُلْ وَلَدِكَ نَحْلَتَهُ مِثْلَ هَذَا؟)) فقال: لا، فقال رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((فَأَرْجِعْهُ)).

Terjemahan: Nu'man bin Basyir r.a. menceritakan bahawa ayahnya telah datang bertemu Nabi SAW Beliau berkata: (wahai Rasulullah) saya memberikan kepada anak saya ini seorang hamba milik saya. Lalu Rasulullah SAW bersabda (bertanya): Adakah semua anakmu kamu berikan seperti yang ini? beliau menjawab: tidak. Lalu Rasulullah SAW bersabda: Pulangkan balik pemberianmu itu.[Riwayat Muslim]

iii- Hubungan Dengan Diri Sendiri

عن عائشة رضي الله عنها، عن النبي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قال: ((لَا يَقُولَنَّ أَحَدُكُمْ: حَبِئْتُ نَفْسِي، وَلَكِنْ لِيُقُلَّ: لَقِيسْتُ نَفْسِي)) متفق عَلَيْهِ.

Terjemahan: Aisyah r.a. meriwayatkan, Nabi SAW bersabda: “Janganlah seseorang daripada kamu berkata: “kejinya diriku”, tapi katakanlah: “buruknya diriku”. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

4.5.12 Contoh hadis larangan dalam aspek hubungan kemasyarakatan

i- Contoh Hadis Larangan Dalam Hubungan Sesama Kaum Muslimin

وعن أنس رضي الله عنه قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((لَا تَقَاطَعُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَحَاسَدُوا، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا، وَلَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثٍ. مَتَّفِقٌ عَلَيْهِ.

Daripada Anas r.a. katanya, Rasulullah SAW bersabda: Janganlah kamu saling pulau memulau, belakang membelakangi, benci membenci dan dengki mendengki. Dan jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara (berkasih sayang dan saling berhubungan). Dan tidak halal bagi seorang muslim untuk meninggalkan saudaranya melebihi tiga hari. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim].

ii-Contoh Hadis Larangan Dalam Hubungan Dengan Orang Bawahan

وعن أبي مسعودٍ البَدْرِيِّ رضي الله عنه قَالَ: كُنْتُ أَضْرِبُ غُلَامًا لِي بِالسَّوْطِ، فَسَمِعْتُ صَوْتًا مِنْ خَلْفِي: ((اعْلَمْ أبا مَسْعُودٍ)) فَلَمْ أَفْهَمِ الصَّوْتِ مِنَ الْعَضْبِ، فَلَمَّا دَنَا مِنِّي إِذَا هُوَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فإِذَا هُوَ يَقُولُ: ((اعْلَمْ أبا مَسْعُودٍ أَنَّ اللَّهَ أَقْدَرُ عَلَيْكَ مِنْكَ عَلَى هَذَا الْعُلَامِ)).
فَقُلْتُ: لَا أَضْرِبُ مَمْلُوكًا بَعْدَهُ أَبَدًا. وَفِي رِوَايَةٍ: فَسَقَطَ السَّوْطُ مِنْ يَدَيَّ مِنْ هَيْبَتِهِ. رواه مسلم

Terjemahan: Daripada Abi Mas'ud al-Badriyy r.a. katanya: Aku telah memukul hamba milikku dengan tongkat. Lalu aku terdengar satu suara dari (arah) belakangku: "Ketahuilah wahai Abu Mas'ud!" Aku tidak memahami (apa kandungan) suara itu kerana kemarahan. Tatkala dekat (suara itu) kepadaku, tiba-tiba (yang bersuara) ialah Rasulullah SAW. Lalu baginda bersabda: "Ketahuilah wahai Abi Mas'ud, sesungguhnya Allah lebih berkuasa (mengazab) ke atasmu (untuk mengazabmu) berbanding (kuasamu menganiayai) hamba ini." Maka aku (Abu Mas'ud) berkata: Aku selama-lamanya tidak akan memukul hamba selepas ini (selepas mendengar sabda Rasulullah ini). Dan pada satu riwayat: Lalu terjatuhlah tongkat di tanganku kerana kehebatannya (baginda).[Riwayat Muslim]

4.5.13 Contoh Hadis Larangan Dalam Lapangan Hubungan Dengan Haiwan

وعن ابن عمر رضي الله عنهما: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: ((عُدْبَتِ امْرَأَةٍ فِي هِرَّةٍ سَجَنَتْهَا حَتَّى مَاتَتْ، فَدَخَلَتْ فِيهَا النَّارَ، لَا هِيَ أَطْعَمَتْهَا وَسَقَتْهَا، إِذْ حَبَسَتْهَا، وَلَا هِيَ تَرَكَتْهَا تَأْكُلُ مِنْ حَشَائِشِ الْأَرْضِ)). متفق عليه

Terjemahan: Daripada Ibnu Umar r.a., sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Seorang wanita telah diazab kerana seekor kucing yang dikurungnya sehingga mati. Maka dia masuk neraka kerananya. Dia tidak memberi makannya, tidak juga minumnya ketika mengurungnya. Dan dia juga tidak melepaskannya (supaya ia dapat) makan binatang-binatang yang merayap di bumi. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

4.5.14 Contoh Larangan Kerana Wasilah

Imam al-Nawawi meletakkan bab (keharaman seorang penduduk bandar menjual barangan seorang kampung dan keharaman menyambut para penunggang (untuk membeli barangan mereka dengan terlalu murah daripada harga pasaran dan keharaman jualan di atas jualan saudaranya atau pinangan atas pinangan saudaranya melainkan saudaranya mengizinkannya atau menolaknya. Hukum jual beli pada asalnya adalah harus, namun larangan ini adalah kerana dibimbangi boleh membawa penindasan kepada penduduk kampung yang tidak mengetahui harga pasaran. Atau ia boleh membawa kepada monopoli harga barangan yang boleh membebaskan pengguna.

4.6 Kaedah Imam Al-Nawawi Di Dalam Mengumpulkan Hadis-Hadis Larangan

Kaedah yang digunakan Imam Al-Nawawi di dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* hampir sama dengan kaedah Imam Bukhari di dalam *Jami' Sahihnya*. Persamaan tersebut dapat dilihat di dalam beberapa aspek ;

a) Imam al-nawawi menjelaskan kefahaman hadis di dalam tajuk bab

Sebagai contoh, Imam Al-Nawawi meletakkan (Bab Larangan Bermusafir Membawa Mashaf Ke Negara Kafir Apabila Dibimbangi Gangguan Musuh). Contohnya Imam Al-Nawawi telah menjelaskan dengan katanya 'dibimbangi dirampas Musuh' (Orang

Kafir), sedangkan di dalam hadis hanyalah terdapat larangan berbentuk umum sahaja sebagaimana di dalam hadis berikut;

عن ابن عمر رضي الله عنهما، قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُسَافَرَ بِالْقُرْآنِ إِلَى أَرْضِ الْعَدُوِّ

Terjemahan: Daripada Ibnu Umar r.a. katanya; Nabi SAW melarang musafir membawa al-Quran ke negeri musuh.

Perkataan Imam Al-Nawawi وقوعه بأيدي العدو إذا خيف (apabila dibimbangi terjatuh ke tangan musuh) tidak disebut di dalam hadis di atas. Tetapi ia adalah penjelasan Imam Al-Nawawi terhadap pemahaman hadis yang terus diperjelaskan di dalam tajuk bab.

- b) Imam al-nawawi memulakan kebanyakan bab dengan ayat-ayat suci al-quran yang berkaitan dengan topik.
- c) Imam Al-Nawawi berinteraksi dengan hadis-hadis larangan adalah berbeza-beza. Beliau tidak meletakkan semua perkara larangan di dalam lingkungan hukum haram, sekali pun pada asalnya, larangan Rasul itu adalah haram melakukannya dan mesti dihentikan.
- d) Imam Al-Nawawi membuat penjelasan ringkas terhadap hadis-hadis, terutamanya hadis yang boleh membawa kepada salah faham.

Contoh huraian ringkas , adalah hadis berikut;

عن ابن عمر رضي الله عنهما، قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُسَافَرَ بِالْقُرْآنِ إِلَى أَرْضِ الْعَدُوِّ

Terjemahan: Daripada Ibn Umar r.a. katanya; Nabi SAW melarang musafir membawa al-Quran ke negeri musuh.

Perkataan Imam Al-Nawawi وقوعه بأيدي العدو إذا خيف (apabila dibimbangi terjatuh ke tangan musuh) tidak disebut di dalam hadis di atas. Tetapi ia adalah

penjelasan Imam Al-Nawawi terhadap pemahaman hadis yang terus diperjelaskan di dalam tajuk bab.

- e) Imam Al-Nawawi memulakan kebanyakan bab dengan ayat-ayat suci al-Quran yang berkaitan dengan topik.
- f) Imam Al-Nawawi berinteraksi dengan hadis-hadis larangan melalui cara berbeza-beza. Beliau tidak meletakkan semua perkara larangan di dalam lingkungan hukum haram, sekali pun pada asalnya, larangan Rasul itu adalah haram melakukannya dan mesti dihentikan.

Imam Al-Nawawi berinteraksi dengan hadis-hadis larangan melalui cara berbeza-beza. Beliau tidak meletakkan semua perkara larangan di dalam lingkungan hukum haram, sekali pun pada asalnya, larangan Rasul itu adalah haram melakukannya dan mesti dihentikan.

- g) Imam Al-Nawawi memberi penjelasan ringkas terhadap hadis-hadis, terutamanya hadis yang boleh membawa kepada salah faham. Contoh huraian ringkas, adalah hadis berikut;

عن ابن عمر رضي الله عنهما: أَنَّهُ سَمِعَ رَجُلًا يَقُولُ: لَا وَالْكَعْبَةَ، فَقَالَ ابْنُ عُمَرَ: لَا تَحْلِفَ بِعَيْرِ اللَّهِ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: ((مَنْ حَلَفَ بِعَيْرِ اللَّهِ، فَقَدْ كَفَرَ أَوْ أَشْرَكَ)). رواه الترمذي، وقال: ((حديث حسن)).
 وَفَسَّرَ بَعْضُ الْعُلَمَاءِ قَوْلَهُ: ((كَفَرَ أَوْ أَشْرَكَ)) عَلَى التَّغْلِيظِ

Terjemahan: Ibnu Umar r.a. menceritakan bahawa beliau mendengar seorang lelaki berkata: “Tidak, demi Kaabah”. Lalu beliau berkata: “Janganlah kamu bersumpah dengan selain Allah. Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang bersumpah dengan selain Allah, maka dia telah kafir atau telah syirik”. Hadis riwayat Tirmizi, dan beliau berkata: Hadis hasan.

Berkaitan hadis ini, kita telah mendapati Imam Al-Nawawi telah membuat penjelasan ringkas yang boleh difahami maksudnya. Contohnya Imam Al-Nawawi menjelaskan ‘telah menafsirkan sebahagian ulama’ perkataan telah kufur atau telah syirik itu adalah untuk menunjukkan teruknya atau beratnya amalan tersebut di

sisi agama. Namun ia tidak boleh membawa kufur. Contoh huraian yang panjang adalah seperti di dalam hadis berikut;

وعن ابن مسعود رضي الله عنه: أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ((أَلَا أُتَبِّئُكُمْ مَا الْعِضَةُ؟ هِيَ التَّمِيمَةُ؛ الْقَالَةُ بَيْنَ النَّاسِ)). رواه مسلم.

((الْعِضَةُ)): بفتح العين المهملة، وإسكان الضاد المعجمة، وبالهاء على وزن الوجه، وروي ((الْعِضَةُ)) بكسر العين وفتح الضاد المعجمة على وزن العِدَّة، وهي: الكذب والبُهتان، وعلى الرواية الأولى: الْعِضَةُ مصدرٌ يقال: عَضَهُ عَضْهًا، أي: رماه بالْعِضِ.

Terjemahan: *Daripada Ibnu Mas'ud r.a. bahawasanya Nabi SAW bersabda: Mahukah kamu aku ceritakan apakah ia a'dh (bohong dan fitnah)? Ia adalah namimah iaitu yang mereka-reka kata-kata (mengadu domba) di antara manusia.[Hadis riwayat Muslim].*

Penjelasan yang detail Imam Al-Nawawi adalah seperti penjelasan beliau tentang mengumpat. Beliau telah meletakkan tajuk khusus iaitu bab (Perkara-perkara yang dibenarkan untuk mengumpat). Di dalam hal ini beliau menyatakan enam keadaan mengumpat itu tidaklah haram, bahkan dibenarkan. Di sini juga beliau telah menyatakan baris kepada sebahagian kalimah yang terdapat setengah riwayat yang diriwayatkan dengan baris yang berbeza-beza, untuk menghilangkan kesamaran.

h) Imam Al-Nawawi memurnikan hadis-hadis yang bertentangan pada zahirnya.

Imam Al-Nawawi telah menjelaskan hadis yang bertentangan pada zahirnya. Sebagai contoh, dalam bab (Makruh Memuji Seseorang secara berdepan), Imam Al-Nawawi menjelaskan: "Berkata para ulama': Dan cara untuk menghimpunkan antara hadis-hadis ini (keharusan dan larangan pujian seperti ini), hendaklah dikatakan bahawa jika orang yang dipuji itu baik keimanan dan keyakinannya, mempunyai latihan hati dan ilmu yang mencukupi sehingga dia tidak terpedaya dan tertipu dengan pujian tersebut dan tidak asyik bermain di fikirannya pujian itu, maka ia tidaklah haram dan tidak juga makruh. Namun jika dibimbangi ke atasnya sesuatu daripada perkara-perkara tadi, maka sangat tidak elok memujinya secara berhadapan. Dan di atas asas inilah difahami hadis-hadis yang berbeza dalam bab ini".

Dalam penjelasan tersebut, beliau telah menekankan pentingnya keimanan dan keyakinan orang yang dipuji, serta bagaimana pujian tersebut dapat mempengaruhi hati dan fikiran mereka. Jika orang yang dipuji memiliki keimanan

yang kuat dan tidak terpengaruh oleh pujian, maka pujian tersebut dibolehkan. Namun, jika ada kekhawatiran bahawa pujian dapat menjerumuskan mereka ke dalam sifat riak, maka sebaiknya dihindari pujian tersebut.

- i) Kajian mendapati bahawa Imam Al-Nawawi telah berjaya menepati tujuan asal penulisan kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* sebagaimana yang beliau nyatakan dalam mukadimah kitab ini.

Tujuan tersebut adalah untuk menghimpunkan hadis-hadis yang sahih sahaja bagi dijadikan panduan kepada umat Islam dalam menjalani kehidupan harian mereka. Hasil analisis menunjukkan bahawa sekitar 98% hadis yang termuat dalam kitab ini berstatus sahih berdasarkan penilaian ulama hadis muktabar. Hal ini mencerminkan ketelitian dan keilmuan Imam Al-Nawawi dalam memilih hadis untuk kitabnya.

Keseluruhan hadis dalam Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā adalah sahih, kecuali beberapa hadis yang menjadi pertikaian dalam kalangan ulama mengenai kesahihannya. Jumlah hadis yang diperselisihkan kesahihannya adalah sebanyak 10 hadis. Sebahagian daripada hadis ini telah masyhur diperdebatkan oleh para ulama, antaranya adalah hadis riwayat Ummu Salamah r.a.

Dalam hadis tersebut, diriwayatkan bahawa apabila Ibn Ummi Maktum yang buta datang, Ummu Salamah dan Maimunah r.a. berada bersama Nabi SAW. Baginda SAW memerintahkan mereka berdua berhijab sambil bersabda: "*Adakah kamu berdua juga buta? Tidakkah kamu melihatnya?*"

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Tirmizi, yang menganggapnya sebagai hadis hasan sahih. Ulama lain seperti Ibn al-Mulaqqin turut menyokong kesahihannya, dengan menyatakan bahawa Ibn Hibban juga menganggapnya sahih (Ibn al-Mulaqqin, 2004, 7:512). Namun, sebahagian ulama hadis seperti Syeikh al-Albani (1992:12,899), Syeikh al-Arnaut (1993:12,387), dan Syeikh al-Huwaini (1988:109) menganggap hadis ini daif, kerana salah seorang perawinya, Nabhan Maula Ummu Salamah, dianggap majhul (tidak diketahui statusnya).

Secara ringkasnya, hanya enam hadis dalam kitab ini yang tidak diketahui ada ulama selain Imam Al-Nawawi yang menganggapnya sahih. Jumlah ini merangkumi sekitar 2% daripada keseluruhan hadis dalam kitab tersebut. Ini menunjukkan bahawa Imam an-Nawawi telah menepati janji beliau dalam mukadimah Kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, iaitu hanya menyertakan hadis-hadis yang sahih.

Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa 98% hadis dalam Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā adalah sahih. Malah, keenam-enam hadis yang dianggap daif ini memenuhi syarat-syarat hadis daif yang boleh diamalkan menurut pandangan majoriti ulama, kerana ia tidak memperkenalkan amalan baru tetapi sekadar memberi nasihat berdasarkan prinsip yang telah ditegaskan dalam nas-nas sahih.

Imam Al-Nawawi sendiri memberi penekanan bahawa tujuan beliau bukan hanya untuk menghimpunkan hadis sahih semata-mata, tetapi juga untuk menyediakan panduan praktikal bagi umat Islam. Oleh itu, meskipun terdapat beberapa hadis yang tidak mencapai tahap sahih, beliau tetap memasukkannya jika ia relevan dengan tujuan tarbiah dan penyucian jiwa. Pendekatan ini menunjukkan kebijaksanaan beliau dalam menyusun kitab yang bermanfaat untuk pembaca pelbagai lapisan masyarakat.

5. Kesimpulan

Kajian terhadap (*Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā*) ini menunjukkan bahawa ia dapat menjadi panduan berharga bagi seorang muslim agar tidak terjerumus dalam pelanggaran terhadap batasan-batasan agama. Kajian ini memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai kitab tersebut, serta menyediakan dapatan dan perbincangan yang mudah diakses dan diteliti oleh pembaca dan para pengkaji.

Dalam kajian ini, peneliti telah meneliti sebanyak 297 hadis yang terkandung dalam (*Kitab Al-Umur Al-Manhiya Anha*) dan menganalisis kaedah pengumpulan serta pemahaman hukum yang diterapkan Imam Al-Nawawi, dengan disertakan contoh-contoh spesifik untuk memperjelaskan maksud dan konteksnya kepada pembaca.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan yang bermanfaat bagi para pengkaji dan penyelidik di bidang hadis, sekali gus menjadi panduan berguna bagi penuntut ilmu agama secara umum. Panduan ini bukan sahaja penting untuk pemahaman hukum tetapi juga untuk pengamalan tasawuf berdasarkan hadis yang sahih daripada Nabi SAW.

Sumbangan Penulis

Konseptualisasi, Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail; metodologi, Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail; analisis data, Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail; pengumpulan data, Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail, penulisan-persediaan draf asal, Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail & Shafwan Ismail; semakan dan penyuntingan, Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail & Shafwan Ismail. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

Rujukan

- Abu Ishaq al-Huwaini. (1988). *Al-Nafilah Fi al-Ahadith ad-Dhaifah wa al-Batilah*, Dar as-Sahabah Li at-Turath, Tanta, Egypt
- Al-Albani. (1992). *Silsilah al-Ahadith ad-Daifah wa al-Maudhuah*, Dar al-Maarif, Riyadh.
- Albani (2001), *Syrh Riyadhhu As Salihin*, Riyadh: Dar Watan Li Nasyr.
- Alfiani Zam Zami. (t.t). *Sabar dalam Perspektif Hadis: Analisis atas Hadis-hadis dalam Kitab Riyadh al-Shalihin Bab Sabar*, Jurusan Ilmu Hadits, Fakultas Ushuluddin. UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Al-Nawawi. (1986). *Riyadhu As Salihin*, tahqiq: Syuaib al-Arnaut, cet 6, Muassasah ar-Risalah, Beirut.
- Ibn Allan. (2004). *Dalil Palihin Li Turuk Riiyadhu Solihin*, Dar Ma'rifah, Beirut Lubnan.
- Muhammad Ali Sabuni. (2011). *Riyadhi Solihin Bi Sarh As Sabuni*, Maktabah Busyra, Karachi
- Muhammad bin Hibban al-Busti. (1993). *Sahih Ibn Hibban*. tahqiq: Syuaib al-Arnaut. Muassasah ar-Risalah, Beirut.
- Muhammad Uthaimin. (2001). *Syrh Riyadhhu As Salihin*, Riyadh: Dar Watan Li Nasyr.
- Nur Syuhada, Che Mat Amin, dan Md Nor Abdullah. (2021). *Analisis kinayah dalam hadith Riyad al-Salihin* . Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat,
- Othman Mazid. (2017). *Mukhtasar Riyadhhu Salihin*, noor-book.com/en/gxe9o
- Raudhatul Jannah. (2024). *Fadhilah Dzikir Dalam Meningkatkan Kualitas Kepribadian Muslim (Analisis Syarah Hadist Kitab Riyadhus Shalihin)*. Fakultas Dakwah dan Komunikasi, UIN Ar-Raniry
- Salim Hilali. (2014). *Bahjah Al Nazhirin Sarh Riyadhhu Salihin*, Dar Ibnu Al Jauzi, Riyadh.